

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Kerajaan tiada kuasa larang merokok dalam kenderaan persendirian | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 07 Apr 2019 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 68 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 135 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,003 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,009 |



Kerajaan tiada kuasa larang merokok dalam kenderaan persendirian

KUALA LUMPUR 6 April - Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk melarang perbuatan merokok di dalam kenderaan persendirian, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye.

Beliau berkata, kenderaan per-

sendirian adalah ruang peribadi seseorang dan ia tidak boleh diganggu.

"Merokok dalam kereta itu kawasan persendirian, kita tidak boleh ganggulah melainkan kalau perokok (merokok) dalam kenderaan awam

kerana ia berada di bawah peraturan sedia ada dan ia memang kawasan larangan merokok.

"Kalau ibu bapa yang memandu dan dalam kereta ada kanak-kanak sepatutnya (mereka) tidak merokok. Mereka (ibu

bapa) patut jaga anak supaya tidak merokok. Kalau pandu seorang, itu hak dia untuk dia merokok atau tidak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Menanam Pokok *Let's Go Green* anjuran Yayasan Paru-

paru Malaysia (LFM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Pengerusi LFM, Datuk Dr. Zainudin Md Zain. -BERNAMA